

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1995/96

Mac/April 1996

HGM 334 Geografi Penduduk

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNG TUJUH (7) SOALAN DI DALAM DUA (2) HALAMAN.

Jawab **EMPAT (4)** soalan.

Setiap soalan membawa nilai markah yang sama - [25 markah].

1. Bincangkan sejauh manakah kepentingan faktor-faktor perubahan penduduk dan politik dalam mempengaruhi perkembangan geografi penduduk sejak 1950an.
2. Perbezaan struktur umur penduduk dalam sesebuah negara adalah dipengaruhi oleh faktor-faktor sosio-demografi dan politik. Bincangkan pernyataan ini dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai.
3. **SAMA ADA**

[a] Bincangkan faktor-faktor yang menyebabkan penurunan kesuburan di negara-negara maju sejak pertengahan kurun ke-19 hingga sekarang.

ATAU

[b] Bincangkan faktor-faktor yang menyebabkan penurunan kesuburan di beberapa buah negara di Asia selepas Perang Dunia Kedua hingga sekarang.

4. Perbezaan mortaliti di antara kawasan bandar dan luar bandar di negara-negara membangun masih lagi jelas. Bincangkan pernyataan ini dan terangkan langkah-langkah yang perlu diambil bagi mengatasi masalah tersebut.
5. Bincangkan pola migrasi dalaman di Semenanjung Malaysia sejak tahun 1970 hingga 1991.
6. Negara-negara membangun memerlukan dasar-dasar taburan yang berkesan bagi mengawal pertumbuhan dan taburan penduduk yang tidak seimbang. Bincangkan pernyataan ini dengan merujuk kepada strategi-strategi yang dapat dilaksanakan bagi mencapai tujuan tersebut.
7. Bincangkan kemajuan serta masalah-masalah perlaksanaan program perancangan keluarga bagi sebuah negara membangun di Asia yang anda mempunyai pengetahuan khusus.

--ooo000ooo--